

**TEKS UCAPAN**  
**YANG DIPERTUA**  
**MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**  
**MAJLIS PELANCARAN PENGURUSAN SISA SIFAR,**  
**OCEAN VIEW RESIDENCES, BUTTERWORTH**  
**8 MEI 2016 (AHAD), 11:00 AM**

---

**Yang Dihormati Ahli Majlis - Ahli Majlis**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Yang Berusaha Tuan Sr Hj Rozali Bin Hj Mohamud**

Setiausaha Perbandaran Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Yang Berusaha Encik Ng Gim Hee**

Pengerusi JMB Ocean View Residences

Ketua - ketua Jabatan

Penghuni - penghuni Ocean View

Rakan - rakan Media

Tuan - tuan dan puan - puan yang dihormati sekalian

---

Assalamualaikum warahmatullahhiwabarakatuh, Selamat pagi dan salam sejahtera.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kerana sudi menjemput saya ke Majlis Pelancaran Sisa Sifar Ocean View pada hari yang berbahagia ini.

Para Hadirin yang dihormati sekalian,

Bagi makluman semua, Pangsapuri Ocean View mempunyai 29 tingkat dengan 390 unit dan kini didiami 290 unit. Terima kasih kepada pihak pengurusan kerana sudi mengambil bahagian dalam program sisa sifar bersama MPSP.

Keterbukaan pihak Pengurusan Pangsapuri Ocean View dalam menerima MPSP untuk menjalankan program sisa sifar merupakan satu langkah permulaan yang penting untuk membentuk sebuah komuniti yang lestari. Tiap - tiap unit rumah akan dibekalkan dengan bekas 5 liter untuk mengisi sisa organik dan sebuah tong 20 liter akan diletakkan di setiap tingkat untuk diisi sisa dapur. Pekerja pembersihan akan membawa sisa organik ke tingkat bawah untuk dikumpul dan dihantar ke Pasar Awam Bagan Ajam untuk pengkomposan.

Sisa sifar merupakan satu elemen yang penting kerana semakin kurang sampah yang dihasilkan, maka kita dapat memanjangkan jangka hayat tapak pelupusan sampah yang sedia ada iaitu di Pulau Burung. MPSP membelanjakan RM 8,897,300.08 bermula dari Jan 2015 sehingga Disember 2015 untuk menguruskan 440,460.40 tan sampah di Tapak Pelupusan Pulau Burung. Kos ini hanya Kos "Tipping Fees" di Pulau Burung, tidak termasuk gaji, kos minyak dan penyelenggaraan

kenderaan. Lebih daripada 50% sampah yang dibuang oleh penduduk Seberang Perai merupakan sisa domestik. Jika kita dapat menjalankan kitar semula dan pengkomposan, ia dapat mengurangkan banyak sampah yang dihantar ke tapak pelupusan. Oleh itu, kerjasama diantara komuniti seperti Pangsapuri Ocean View dan MPSP dalam program-program seperti ini amat dialu-alukan kerana ia memupuk satu ikatan ke arah mewujudkan betapa pentingnya kita mengurangkan penjanaan sisa pepejal atau sampah sarap.

Para hadirin yang dihormati,

MPSP telah memulakan kempen program sisa sifar pada tahun 2010. Sasaran bagi program ini adalah sekolah-sekolah, kilang dan komuniti. Untuk menjayakan kempen Program Sisa Sifar ini, konsep 4R telah diperkenalkan, iaitu *Rethink, Reduce, Reuse and Recycle*. Konsep ini mengajak masyarakat berfikir terlebih dahulu sebelum menghasilkan sampah/sisa. Jika dilihat dari penglibatan komuniti, Perbadanan Pengurusan Pangsapuri Taman Pandan dan Pangsa Tanjung Indah di Butterworth, merupakan komuniti yang telah berjaya dalam Program Sisa Sifar. Dari segi perindustrian pula, Kilang SONY di Perai boleh diambil sebagai contoh yang baik kerana telah mencapai 96% pengurangan sisa (*waste diversion*) ke Tempat Pelupusan Sampah Pulau Burung.

Untuk makluman tuan-tuan dan puan-puan, kadar kitar semula di Pulau Pinang merupakan kadar kitar semula yang tertinggi di Malaysia iaitu 32% dan kadar kitar semula MPSP adalah 39%. Ini telah melebihi kadar sasaran iaitu 22% yang ingin dicapai diperingkat kebangsaan menjelang

2020. Walau bagaimanapun, kadar ini masih rendah jika dibandingkan dengan negara-negara maju seperti Jepun (77%), Austria (63%), Germany (62%), Singapura sebanyak (60%) dan Korea (49%). Majlis Perbandaran Seberang Perai bekerjasama rapat dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam menerajui usaha kitar semula untuk membolehkan negeri kita mencapai kadar kitar semula yang paling tinggi di negara ini. Yang paling penting adalah usaha untuk mengurangkan sisa yang dijana, kemudian mengasingkan sisa yang dijana kepada sisa yang boleh dikitar semula seperti kertas, plastik, botol dan sisa yang tidak boleh dikitar semula.

Harbour Place mempunyai 4 blok iaitu Park View, Sea View, Wellesley dan Ocean View. Ocean View merupakan pangaspuri kedua yang mengamalkan sisa sifar iaitu selepas Park View mengamalkan sisa sifar. Pihak MPSP amat berharap bahawa baki dua blok dapat mengambil bahagian. Untuk makluman, pusat pengumpulan barang kitar semula Ocean View adalah pusat kitar semula yang ketujuh ditubuhkan pada tahun ini. Jumlah pusat kitar semula komuniti yang ditubuhkan di seluruh Seberang Perai ialah sebanyak 56 pusat.

Saya menyeru banyak lagi JMB/MC akan menu buhkan pusat kitar semula kerana di Seberang Perai kita mempunyai 968 kediaman berstrata. Untuk 56 pusat kitar semula ini, terdapat 5 pusat di rumah bertingkat, 11 di kampong dan 40 pusat di taman perumahan.

Dalam pemajuan baru di Eco City, Batu Kawan, MPSP telah mensyaratkan pusat kitar semula di sediakan untuk mengganti stor MPSP. Bagi pemajuan baru dan di luar kawasan Eco City Batu Kawan, MPSP telah menggalakkan pemaju menyediakan pusat kitar semula, menggantikan penyediaan stor MPSP. Penyediaan pusat kitar semula di peringkat awal pembangunan perumahan selaras dengan konsep ‘Rethink’ iaitu menyediakan kemudahan ini dengan lebih awal dan boleh dijadikan bahan promosi untuk perumahan tersebut.

Selain dari mengasingkan sisa dapur, penghuni juga digalakkan mengumpul minyak masak terpakai untuk dikitar semula sebagai biodiesel. Jika minyak masak terpakai tidak diurus dengan baik dan dilepaskan ke longkang, ini akan membuatkan longkang tersumbat dan bau busuk. Untuk makluman, harga untuk 1kg minyak masak terpakai adalah dalam lingkungan 50sen - 80sen dan juga terdapat *entrepreneur* yang membeli minyak tersebut.

Para hadirin yang dihormati,

Dasar Pengasingan Sisa di Punca adalah satu inisiatif positif yang diambil Kerajaan Negeri bagi mengurangkan sisa yang dilupuskan di Pulau Burung. Kini Kerajaan Negeri, MPSP dan MBPP sedang membuat persiapan untuk pelaksanaan Dasar Pengasingan Sisa di Punca yang akan dikuatkuasakan pada 1 Jun tahun ini. Langkah-langkah persiapan telah dan sedang diambil sebelum dasar ini dilaksanakan

Melalui Dasar Pengasingan Sisa di Punca ini, semua penduduk di negeri Pulau Pinang dimestikan mengasingkan sampah mereka sebelum dilupuskan; barang kitar semula kering dan sisa domestik. Keadah ini merupakan pengasingan sisa di punca yang paling mudah. Kutipan sisa baki adalah seperti biasa iaitu 3 kali seminggu manakala sisa kitar semula adalah pada setiap hari Sabtu untuk keseluruhan kawasan di Seberang Perai.

Menguruskan sisa bukanlah satu kerja yang mudah, kerana ia memerlukan kerjasama antara semua pihak, iaitu penduduk dan pihak MPSP sendiri. Setiap hari, sekitar 1,800 tan sisa dari negeri Pulau Pinang dilupuskan di Pulau Burung dengan kadar pecahan 1100 tan daripada MPSP, manakala 700 tan daripada MBPP. Lama kelamaan, tapak pelupusan ini akan penuh dan tapak baru harus dikenal pasti dan disediakan untuk menampung sisa negeri. Mencari tapak baru di negeri Pulau Pinang untuk tapak pelupusan sampah baru adalah mencabar kerana tanah adalah terhad dan mahal.

Jika penduduk Seberang Perai boleh mengurangkan sisa sebanyak 50%, iaitu dari 1100 tan kepada 550 tan sahaja sehari, MPSP dapat menjimatkan RM11,110 tipping free dalam sehari. Kita sedia maklum,

tipping fee bagi satu tan sampah yang dihantar ke Pulau Burung adalah RM20.20. Dengan pengurangan sebanyak 50% sisa ini, penjimatan dalam tempoh sebulan ke atas tipping fee ialah RM333,300 dan untuk setahun penjimatan MPSP akan mencecah RM4 juta / tahun.

Oleh itu, kita perlu meningkatkan kesedaran rakyat negeri Pulau Pinang untuk menangani sisa kita dengan lebih berkesan melalui pengasingan sisa di punca. Amalan untuk mengasingkan sisa pepejal dan bahan kitar semula ini boleh mengurangkan sisa yang yang dihantar ke tapak pelupusan seterusnya memanjangkan jangka hayat tapak pelupusan kita.

Dengan ini saya menyeru para hadirin, dan penduduk Pangsapuri Ocean View khususnya, untuk menjadikan pengasingan sisa di punca sebagai satu gaya dalam budaya hidup seharian, agar bumi yang kita pinjam dari generasi akan datang ini, dapat dikembalikan kepada mereka seindah dan sehijau mungkin. Marilah kita menjadi ‘agen perubahan yang positif @ ‘*agent of change*’ untuk menjamin persekitaran yang bersih dan sihat.

Dengan harapan ini, saya melancarkan Program Sisa Sifar di Pangsapuri Ocean View, Butterworth.

Sekian, terima kasih.